



# POLISI ANTI RASUAH JABATAN PREMIER SARAWAK



- 1 Jabatan Premier Sarawak komited dalam melaksanakan usaha-usaha melarang perbuatan rasuah kepada semua warga kerja termasuk aktiviti organisasi dan perhubungannya dengan pihak-pihak yang berkepentingan bagi memastikan segala ruang dan peluang rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dapat ditangani dengan cekap dan berkesan.
- 2 Polisi ini adalah bertepatan dan selaras dengan peruntukan dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain akta yang berkaitan.
- 3 Polisi ini juga bersesuaian dengan hala tuju Jabatan Premier Sarawak iaitu Visi, Misi, Pelan Strategik dan Aspirasi Negara.
- 4 Polisi ini terpakai kepada semua warga Jabatan Premier Sarawak dan pihak-pihak berkepentingan dalam urusan Jabatan Premier Sarawak dan digunakan sebagai kerangka kerja dalam penetapan, penyemakan dan pencapaian objektif anti rasuah.
- 5 Badan tadbir urus dan pihak pengurusan komited untuk melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah, memantau dan menghapuskan segala bentuk rasuah dan melaksanakan penambahbaikan berterusan melalui Sistem Pengurusan Anti Rasuah (MS ISO 37001:2016).
- 6 Melalui Garis Panduan Pengurusan Aduan Ombudsman Untuk Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak, Jabatan Premier Sarawak sentiasa memberi ruang kepada warga Jabatan Premier Sarawak dan pihak-pihak berkepentingan untuk melaporkan sebarang salah laku rasuah di dalam Jabatan Premier Sarawak.
- 7 Jabatan Premier Sarawak komited untuk sentiasa menambahbaik keperluan-keperluan dibawah Polisi Anti Rasuah ini dari masa ke masa.
- 8 Jawatankuasa pematuhan, yang mempunyai kuasa dan bebas diwujudkan untuk memantau pematuhan kepada Sistem Pengurusan Anti Rasuah secara menyeluruh dan melaporkan kepada Badan Tadbir Urus dan Pihak Pengurusan Atasan.
- 9 Tindakan tatatertib dan undang-undang yang sewajarnya akan diambil ke atas warga Jabatan Premier Sarawak yang gagal mematuhi Polisi Anti Rasuah ini.

Diluluskan oleh:

DATU DR SABARIAH PUTIT  
TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN SARAWAK (OPERASI)

TARIKH: 01 APRIL 2022